

www.jawhar.gov.my

ISSN 1985-2010



9 771985 201003

JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)
JABATAN PERDANA MENTERI

Aras 7, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
Tel: 603-8883 7400, Faks: 603-8883 7406



CERTIFIED TO MS ISO 9001:2008
CERT NO.: AR 4631

JURNAL
JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)
JABATAN PERDANA MENTERI MALAYSIA



CERTIFIED TO MS ISO 9001:2008
CERT NO.: AR 5129

JURNAL PENGURUSAN JAWHAR

VOL. 4, No. 1, 2010

ISSN 1985-2010



JABATAN WAKAF, ZAKAT & HAJI (JAWHAR)
MALAYSIA



JURNAL PENGURUSAN JAWHAR

Vol. 4, No. 1, 2010

ISSN 1985-2010

KANDUNGAN

**Mekanisme Istibdal Dalam Pembangunan Tanah Wakaf:
Kajian Terhadap Isu Pengambilan Tanah Wakaf Oleh
Pihak Berkuasa Negeri Di Malaysia**

Dr. Mohd Afendi Mat Rani

**Kesan Perundangan Ke Atas Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan:
Pengalaman Aceh**

Zulkifli Daud & Prof. Madya Sanep Ahmad

Penyelesaian Dan Pembahagian Harta Pusaka: Isu Dan Masalah

Tn. Hj. Wan Abdul Halim Wan Harun

**Struktur Organisasi Pengurusan Baitulmal Di Negeri:
Ke Arah Penstrukturan Terbaik**

Hasan Hafizi Hanapi & Mohamad Idris Ramli

Rukhsah Di Dalam Ibadat Haji: Ke Arah Mencapai Haji Mabruh

Tn. Hj. Lukmanul Hakim Hj. Hanafi

**Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat Kepada Lapan Asnaf:
Kajian Di Malaysia**

Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader

Hak Asasi Pekerja Menurut Perspektif Islam

Ahmad Munir Ishak

Konsep Istibdal: Sejauhmana Amalannya Di Malaysia

Prof. Madya Mohd Ridzuan Awang

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) 2010

Hak Cipta Terpelihara

Tidak dibenar dikeluarkan semula mana-mana bahagian artikel atau isi kandungan Jurnal ini dalam apa saja bentuk atau dengan apa-apa cara tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Editor, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR).

Skop

Jurnal Pengurusan JAWHAR diterbitkan dua kali setiap tahun oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). Ianya adalah jurnal pengurusan yang dihasilkan untuk menggalakkan penyelidikan dan penyebaran maklumat mengenai prinsip dan tadbir urus terbaik institusi wakaf, zakat, mal dan haji yang efisien dan dinamik. Jurnal ini mengumpulkan pelbagai jenis artikel daripada pelbagai aspek pembangunan pengurusan dan cara praktis yang sesuai untuk pentadbiran institusi wakaf, zakat, mal dan haji serta pengurusan umum negara. Kriteria penilaian adalah berdasarkan hasil kerja penulisan asal yang belum pernah diterbitkan dan mempunyai nilai-nilai '*applied*' yang wajar diketengahkan dalam usaha penambahbaikan pengurusan serta pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal dan haji.

Tanggungjawab kepada fakta dan pandangan dalam artikel-artikel ini adalah terletak secara eksklusif ke atas penulis semata-mata. Penghujahan mereka tidak semestinya menggambarkan pandangan atau polisi JAWHAR mahupun Kerajaan Malaysia.

Langganan: Sila lihat di muka surat belakang

Diterbitkan oleh:

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)

Jabatan Perdana Menteri

Aras 7, Blok E2, Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62502 PUTRAJAYA

Tel.: 603-88837400 Faks: 603-88837406

Dicetak oleh:

Percetakan Nasional Malaysia Berhad

Jalan Chan Sow Lin

50554 KUALA LUMPUR

Tel.: 603-92366909/10 Faks: 603-92230397

LANGGANAN

Kadar untuk satu naskhah adalah seperti berikut:

Malaysia	- RM18.00
Singapura dan Brunei	- RM20.00
Luar Negara	- USD10.00

Kadar harga termasuklah pembungkusan dan penghantaran. Penghantaran melalui udara atau surat berdaftar akan dikenakan caj tambahan.

PENGAGIHAN ZAKAT OLEH INSTITUSI ZAKAT KEPADA LAPAN ASNAF: KAJIAN DI MALAYSIA¹

Oleh:

Hairunnizam Wahid²

Sanep Ahmad³

Radiah Abdul Kader⁴

ABSTRAK

Seperti suruhan solat, zakat dijelaskan dalam Al-Quran secara umum dan tidak secara terperinci. Al-Quran tidak menjelaskan kadar, nisab, jenis harta dikenakan zakat atau syarat-syarat zakat tetapi ia dapat difahami dengan jelas daripada Hadis Rasulullah S.A.W. Bagaimanapun, dalam aspek pengagihan zakat, Al-Quran menyatakan dengan jelas zakat perlu diagihkan kepada lapan asnaf tertentu. Sekiranya amil tidak mempunyai maklumat berkenaan asnaf yang lain atau dana kutipan zakat yang sedikit, maka ramai ulama' berpendapat zakat perlu diagihkan sekurang-kurangnya kepada tiga asnaf zakat. Persoalannya jika zakat tidak diagihkan sepenuhnya kepada lapan asnaf, apakah persepsi masyarakat Islam terhadap institusi zakat? Satu kajian telah dilakukan di Semenanjung Malaysia dan seramai 2,500 responden telah ditemu bual. Kajian ini mendapati pengagihan zakat oleh institusi zakat di Malaysia hanya tertumpu kepada asnaf fakir, miskin dan asnaf fi sabilillah yang merupakan bahagian asnaf yang terbesar. Kajian mendapati terdapat banyak lebihan zakat di kebanyakan negeri di Malaysia. Hasil kajian juga mendapati masih ramai masyarakat Islam di Malaysia tidak berpuas hati dengan kaedah pengagihan zakat. Ramai pembayar zakat inginkan zakat diagihkan sebaik mungkin dan adil. Ini memungkinkan agar wang lebihan zakat tersebut dapat diagihkan kepada asnaf-asnaf yang lain seperti ibn sabil, al-gharimin dan al-riqab. Perlu diteliti pendapat mazhab Syafie yang menyatakan empat golongan yang patut diberi keutamaan selain amil ialah asnaf fakir, miskin, orang yang berhutang (al-gharimin) dan orang dalam perjalanan (ibn sabil).

Adakah maklumat asnaf menjadi masalah utama institusi zakat? Menurut Qardawi, perlu dibincangkan dengan jelas ruang lingkup asnaf zakat khususnya yang berkaitan dengan asnaf tersebut kerana ia berkaitan dengan kepentingan awam dan hanya diketahui oleh pihak Kerajaan. Sekiranya masalah ini tidak diatasi dengan segera, maka kemungkinan yang tinggi akan berlaku di mana pembayar zakat cenderung membayar zakat secara terus kepada asnaf dan kutipan zakat akan berkurangan. Beberapa cadangan dan implikasi dasar dicadangkan dalam artikel ini.

Perkataan Teras : Institusi Zakat, Pengagihan Zakat, Asnaf

Klasifikasi JEL : G28, H83, Z12, C80

¹ Kertas kerja ini dibentangkan di Seminar Kebangsaan Ekonomi Islam 2008/09 pada 10-11 Februari 2009 di APIUM.

² Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan UKM

³ Prof. Madya di Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan UKM

⁴ Prof. Madya di Jabatan Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, UM

PENGENALAN

Zakat sebagai salah satu daripada rukun Islam yang memainkan peranan penting dalam kehidupan umat Islam sepanjang sejarah kewujudannya. Ia merupakan satu mekanisme ibadat kewangan dan perekonomian yang antara matlamatnya membersihkan jiwa manusia serta hartanya kerana kemungkinan terdapat hak orang lain dalam proses memperoleh harta tersebut. Ini adalah kerana dalam kebanyakan kegiatan perekonomian, terdapat kesan eksternaliti terhadap pihak ketiga dalam proses menghasilkan output atau pendapatan. Ini akan menyebabkan kesan akhir transaksi tersebut adalah tidak optimum kerana tidak mengambil kira kesan eksternaliti tersebut terhadap pihak ketiga. Keseimbangan yang optimum boleh dicapai melalui campur tangan Kerajaan sama melalui pengenaan cukai, pemberian subsidi dan sebagainya. Justeru dalam sistem ekonomi Islam, pengenaan zakat memungkinkan segala aktiviti ekonomi yang berlaku dalam sistemnya menuju ke arah pengoptimuman (Sanep dan Hairunnizam, 2005).

Secara teorinya, zakat dibayar oleh golongan yang kaya dan akan diagihkan kepada golongan miskin dan proses pengagihan zakat diharapkan mencapai tahap optimum kepada asnaf zakat. Justeru proses yang optimum ini akan memberikan impak yang berkesan dan besar bukan sahaja kepada asnaf zakat khususnya malah kepada ekonomi sesebuah negara secara amnya. Ini adalah kerana impak daripada pengagihan zakat ini akan memberikan kesan kepada asnaf bukan sahaja berjaya keluar daripada golongan yang menerima zakat malah akan menjadi penyumbang zakat kepada negara. Akhirnya asnaf menjadi sebahagian daripada guna tenaga yang produktif dan menyumbang kepada ekonomi negara (Nik Mustapha 2001). Dalil penentuan asnaf zakat telah dinyatakan secara jelas dalam Al-Quran. Pada surah At-Taubah ayat 60, Allah S.W.T. telah menjelaskan kelompok-kelompok yang berhak menerima zakat iaitu melalui firman-Nya yang bermaksud:

“Sesungguhnya zakat-zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para muallaf yang dibujuk hatinya, untuk (memerdekakan budak), orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai sesuatu ketetapan yang diwajibkan Allah, dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana”.

Tafsiran ayat tersebut jelas menunjukkan terdapat lapan golongan manusia yang berhak menerima zakat. Lapan golongan tersebut ialah *Al-fuqara'* (orang fakir), *al-Masakin* (orang yang miskin), amil, muallaf yang perlu dijinakkan hatinya, *al-riqab* (hamba), *al-gharimin* (orang yang memiliki hutang), *fi sabilillah* (orang yang berjuang di jalan Allah) dan akhirnya *ibn sabil* (musafir yang sedang dalam perjalanan). Mahmood Zuhdi (2003) berpendapat ayat tersebut memberi penerangan yang jelas tentang pengagihan zakat berbanding dengan masalah menentukan sumber zakat berdasarkan ayat tersebut yang memperincikan arahan. Ini disebabkan kemungkinan berlaku penyelewengan dan penggunaan hawa nafsu dalam mengagihkan zakat lebih besar berbanding menentukan sumber dan memungut zakat. Pendapat ini jelas menunjukkan pengagihan zakat merupakan satu tanggungjawab dan amanah yang besar dipikul oleh institusi zakat.

Untuk menunaikan amanah mengagihkan zakat dengan berkesan dan amanah, maka penentuan definisi asnaf adalah amat penting memandangkan golongan asnaf yang dinyatakan dalam ayat Al-Quran adalah umum dan perlu diperhalusi konsep agihan zakat. Contohnya Mujaini (2005) telah mengklasifikasikan semula lapan bahagian tersebut kepada tiga kategori asas agihan iaitu:

1. Agihan berdasarkan keperluan. Ia termasuklah fakir, miskin, hamba, si berhutang dan *ibn sabil*.
2. Agihan berdasarkan pemupukan dan galakan hidup beragama dan moral. Ia termasuklah *muallaf* dan *fi sabilillah*.
3. Agihan berdasarkan insentif dan motivasi terhadap pengurus zakat. Ia termasuklah amil.

Pengkategorian ini sebenarnya adalah sebagai asas utama kepada pihak amil mendefinisikan dan mengagihkan kepada setiap asnaf yang telah dinyatakan. Persoalan yang penting di sini ialah adakah pengagihan zakat perlu diagihkan secara sama rata kepada semua asnaf iaitu satu per lapan bahagian? Mohamad Uda (2005) dan Mahmood Zuhdi (2003) telah menjelaskan, perbahasan berkenaan persoalan ini terbahagi kepada dua pendapat. Pertamanya pendapat daripada mazhab Syafie mengatakan bahawa zakat wajib dikeluarkan kepada lapan golongan manusia seperti yang dinyatakan dalam surah At-Taubah ayat 60, sama ada zakat fitrah mahupun zakat harta. Ia dirujuk kepada pemakaian huruf *lam* yang bererti pemilikan dan masing-masing mempunyai hak yang sama kerana dihubungkan dengan huruf *waw* iaitu salah satu huruf *ataf* yang bererti “dan”. Rumusannya kumpulan mazhab ini berpendapat semua bentuk zakat merupakan milik semua golongan dengan hak yang sama. Namun begitu sekiranya pihak amil gagal mengenal pasti kesemua asnaf yang lapan, maka sekurang-kurangnya perlu diagihkan kepada sekurang-kurangnya tiga asnaf termasuklah amil itu sendiri. Menurut kumpulan ini, terdapat empat golongan yang patut diberi keutamaan selain amil ialah asnaf fakir, miskin, orang yang berhutang dan orang dalam perjalanan. Pendapat kedua pula adalah pendapat jumhur (Hanafi, Maliki dan Hanbali) mengatakan bahawa zakat boleh dibahagikan hanya kepada satu kelompok sahaja berdasarkan ayat yang sama tetapi berpendapat kelompok-kelompok asnaf disebut dengan huruf *alif* dan *lam* (*lam al-tak’rif*) contohnya *al-fuqara’* yang mengandungi satu kiasan (*majaz*). Namun menurut Wahbah (1997) alasan tersebut tidak kuat dan boleh ditolak kerana tidak logik.

Rumusannya daripada kedua-dua pendapat yang dikemukakan di atas, maka pelaksanaan pendapat mazhab Syafie adalah lebih sesuai kerana pengagihan zakat secara adil adalah kepada kesemua asnaf tetapi jika tidak lengkap kesemua asnaf yang ada, maka pengagihan perlu dilakukan sekurang-kurangnya kepada tiga asnaf. Asas pengkategorian asnaf berasaskan konsep agihan oleh Mujaini (2005) boleh dipraktikkan.

Namun, kajian ini berpendapat pada zaman kini, masalah mengenal pasti dan mencari asnaf bukanlah satu masalah yang besar. Kini banyak institusi zakat telah diswastakan dan kesannya pengurusan zakat juga telah menjadi semakin baik. Penggunaan teknologi maklumat berkomputer, internet dan *database* juga tidak menjadi masalah pada masa kini. Walaupun demikian, adakah maklumat dan pencarian asnaf zakat menjadi masalah utama kepada institusi zakat? Jika amil tersebut adalah seorang imam (individu), maka jika beliau tidak berjaya mengenal pasti kesemua asnaf yang lapan, maka sekurang-kurangnya tiga asnaf juga sudah memadai (Mohamad Uda, 2005 dan Wahbah, 1997). Ini kerana amat sukar individu untuk mencari dan mengenal pasti amil memandangkan usaha dan tenaga yang terhad serta tiada maklumat yang jelas.

Oleh kerana institusi zakat pada masa kini ada yang telah menswastakan urusan kutipan dan agihan zakat, institusi ini mempunyai ramai amil dan terlatih. Jika masalah tersebut juga menjadi masalah institusi zakat, maka sepatutnya ia tidak mungkin berlaku. Ini adalah kerana jika institusi zakat tidak dapat mengagihkan zakat kepada asnaf dengan adil dan menyeluruh, maka pembayar zakat akan memandang serong kepada keupayaan institusi tersebut. Ini akhirnya akan menyebabkan pembayar zakat membayar zakat secara terus kepada asnaf atau kepada individu tertentu dan bukannya melalui institusi zakat. Ini akan menyebabkan kebocoran berlaku dalam mekanisme zakat yang akhirnya jumlah kutipan tidak sebesar yang diharapkan. Malah lebih teruk lagi masalah pengagihan zakat secara terus kepada asnaf hanya akan tertumpu pada asnaf fakir miskin semata-mata dan hak asnaf yang lain akan terabai (Sanep et al., 2006). Jika ini berterusan dalam jangka masa panjang akan menjejaskan sistem pengagihan zakat itu sendiri dan akhirnya akan mengikis kepercayaan pembayar zakat terhadap institusi zakat. Pendapat ini adalah bertepatan dengan pendapat Qardawi (2000) yang berpendapat asnaf-asnaf tertentu seperti *muallaf*, *fi sabilillah* dan sebagainya yang berkaitan dengan kepentingan awam hanya diketahui oleh pihak Kerajaan dan jika dibayar secara terus kepada asnaf fakir dan miskin, maka hak asnaf yang lain tidak akan terbela.

Namun adakah pusat zakat telah menggunakan maklumat dan pengetahuan yang ada untuk mengagihkan zakat bukan sahaja kepada asnaf fakir dan miskin tetapi mencakupi dan menyeluruh kepada asnaf-asnaf yang lain? Kesemua persoalan ini sebenarnya perlu diselesaikan oleh pihak institusi zakat agar keyakinan pihak pembayar zakat akan meningkat dan akan terus bermotivasi membayar zakat melalui saluran yang formal.

KAJIAN LEPAS

Terdapat banyak kajian yang membincangkan aspek kutipan dan bagaimana kaedah dan cara untuk meningkatkan jumlah kutipan zakat agar jumlah kutipan yang besar akan meningkatkan lagi pengagihan kepada asnaf zakat (Md Zyadi dan Mariani, 1999; Mohamed Dahan, 1998; Nor Ghani et al., 2001; dan Muhammad Syukri, 2006). Namun begitu kajian tentang pengagihan dan keberkesanan pengagihan zakat amat kurang dibincangkan. Terdapat beberapa kajian yang mengkaji gelagat dan persepsi pembayar zakat sama ada menguji kepatuhan membayar zakat secara formal atau tidak formal (Sanep et al., 2006) atau pun menguji gelagat kepatuhan kepada undang-undang zakat (Ahmad Kamil, 2006). Namun terdapat juga kajian yang mengkaji kaedah meningkatkan kutipan zakat dengan memperluaskan ke atas harta yang *diikhtilaf* (Sanep dan Hairunnizam, 2005). Walaupun perbincangan berkenaan harta yang *diikhtilaf* tampak sukar untuk dilaksanakan namun zakat pendapatan telah berjaya dilaksana dan difatwakan sebagai harta yang *diiktifa'* walaupun asalnya merupakan harta yang *diikhtilaf* (Hairunnizam et al., 2007).

Keberkesanan kutipan dan pengagihan zakat amat bergantung pada pengurusan oleh institusi zakat. Pengagihan zakat merupakan satu elemen yang sangat penting kerana ia menunjukkan bagaimana dana zakat dapat memberi impak kepada masyarakat dan negara dalam aspek pembasmian kemiskinan dan pembangunan ekonomi (Mannan, 2003; Wess, 2002; dan Hassan & Khan, 2007). Implikasinya, pengurusan dana zakat yang cekap adalah dituntut agar pelaksanaannya dapat mencapai objektif yang ditentukan.

Namun begitu, aspek pentadbiran zakat di Malaysia dikatakan tidak cekap dan di bawah potensi yang sebenar (Sadeq, 1995 dan Abdul-Wahab et al., 1995). Menurut Sadeq (1995), kelemahan ini disebabkan pentadbiran zakat diuruskan oleh mereka yang berlatarbelakangkan pendidikan syariah tetapi kurang profesional. Ini menyebabkan pengagihan zakat tidak diuruskan dengan efisien dan baik. Pendapat ini disokong oleh Abdul-Wahab et al. (1995) yang bersetuju bahawa pengagihan zakat di Malaysia tidak diuruskan dengan baik kerana kekurangan pekerja yang berkeelayakan dan tiada jaringan profesional. Malah menurut mereka, pengurus zakat itu sendiri tidak cekap dalam pengurusan zakat kerana hanya mempunyai latar belakang pendidikan agama dari universiti tempatan dan luar negara dan bukan mempunyai latar belakang pendidikan yang profesional.

Imtiazi (2000) juga berpendapat bahawa pengurusan zakat perlu diuruskan oleh mereka yang dipercayai, berkeelayakan dan mempunyai kemahiran untuk mengurus dana zakat. Beliau mengandaikan seseorang pengurus institusi zakat juga perlu mengurus dana zakat secara efisien. Pengurus zakat bukan sahaja mengagihkan zakat semata-mata tetapi menurut beliau perlu bertindak lebih jauh lagi iaitu sekiranya ada lebihan wang zakat, ia harus dilaburkan secara *mudharabah* dalam projek-projek tertentu yang akhirnya keuntungan tersebut diagihkan secara berterusan kepada asnaf. Kajian-kajian oleh Sadeq (1995) dan Abdul-Wahab et al. (1995) jelas menunjukkan bahawa pengurusan zakat oleh institusi terutamanya dalam aspek pengagihan zakat adalah tidak cekap.

Persoalannya, apakah pendekatan yang cekap dan baik dalam mengagihkan zakat? Mohd Parid (2001) telah mencadangkan 12 kaedah dalam memastikan pengagihan zakat dapat dilakukan oleh institusi zakat. Antaranya, beliau berpendapat pengagihan kepada lapan asnaf jika dilakukan mestilah saksama dan tidak semestinya sama dan ia terpulang kepada *ijtihad* pemerintah atau imam. Ini menunjukkan konsep keadilan perlu dijadikan sebagai antara asas utama pengagihan zakat. Pandangan ini disokong oleh Nik Mustapha (2001) yang berpendapat keadilan tersebut meliputi

keadilan sosio-ekonomi masyarakat. Adalah dijangkakan bahawa kesan pengagihan zakat akhirnya akan mengeluarkan asnaf zakat terutamanya fakir dan miskin terkeluar daripada golongan penerima zakat malah bertukar menjadi pembayar zakat dan akhirnya menjadi guna tenaga yang produktif kepada ekonomi negara. Daripada perbincangan ini menimbulkan persoalan yang lain iaitu adakah pihak institusi zakat telah menjalankan tanggungjawab mereka untuk mengagihkan zakat dengan adil, cekap dan efisien berasaskan konsep asas pengagihan zakat?

Banyak kajian menunjukkan masih wujud sikap tidak berpuas hati dalam kalangan masyarakat Islam terhadap institusi zakat. Malah ada yang mencadangkan suatu penilaian oleh masyarakat perlu dilakukan terhadap institusi ini. Mohamed Dahan (1998) contohnya menyarankan kaedah agihan zakat perlu dinilai oleh individu secara terbuka. Ini adalah kerana terdapat beberapa kes negatif yang pernah berlaku seperti salah guna kuasa dan pecah amanah wang zakat, pengurusan yang tidak cekap serta kaedah agihan yang dianggap tidak memuaskan di peringkat negeri. Akibatnya, tanggapan masyarakat terhadap institusi zakat akan menjadi negatif walaupun prestasi laporan tahunan institusi zakat menunjukkan prestasi kutipan dan agihan yang memberangsangkan. Fenomena sedemikian mungkin menjelaskan mengapa individu enggan membayar zakat secara formal melalui institusi kutipan zakat dan berminat membayar secara tidak formal (Sanep et al., 2006). Ini sedikit sebanyak mengukuhkan lagi pandangan bahawa masih wujud ketidakcekan pengurusan zakat.

Kajian oleh Sanep et al. (2006) juga telah membuktikan sebanyak 10.5% pembayar zakat berminat membayar zakat secara terus kepada asnaf walaupun institusi zakat telah diswastakan. Malah kajian ini juga menunjukkan 57.1% pembayar zakat tidak berpuas hati dengan agihan zakat oleh institusi zakat. Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Pulau Pinang merupakan negeri yang ramai pembayar zakat tidak berpuas hati iaitu melebihi 60%. Malah lebih kritikal lagi kajian ini juga mendapati pembolehubah ketidakpuasan hati agihan zakat oleh institusi zakat mempengaruhi

secara signifikan pembayaran zakat kepada institusi zakat formal. Ini menunjukkan bahawa institusi zakat masih lagi belum mencapai tahap kecekapan pengurusan zakat yang diharap-harapkan oleh pembayar zakat dan yang kritikalnya ia merupakan pembolehubah yang signifikan mempengaruhi pembayaran kepada institusi zakat. Ini akhirnya akan menjejaskan kutipan zakat kerana pembayar zakat mungkin berminat membayar secara terus kepada asnaf-asnaf zakat terutamanya asnaf fakir dan miskin. Kajian-kajian ini jelas menunjukkan bahawa pengurusan zakat di Malaysia masih lagi belum mencapai tahap yang diharapkan. Ini lebih utama lagi tanggapan masyarakat terhadap institusi zakat yang telah diswastakan. Beberapa persoalan yang akan dikupas dalam artikel ini iaitu adakah benar pengagihan zakat masih lagi tidak cekap terutamanya melibatkan pengagihan terhadap lapan asnaf secara adil dan saksama? Bagaimanakah tanggapan masyarakat terhadap isu berkenaan? Persoalan ini akan dibincangkan di bahagian selanjutnya.

PERKEMBANGAN PENGAGIHAN ZAKAT DI MALAYSIA

Keadaan semasa perkembangan institusi zakat di Malaysia adalah memberangsangkan terutamanya dalam aspek kutipan zakat. Jumlah kutipan zakat di Malaysia telah meningkat dengan drastik di Malaysia. Jumlah kutipan zakat di setiap negeri semakin meningkat dari tahun ke setahun. Jumlah kutipan zakat keseluruhan tahun 2006 telah meningkat sebanyak 17% kepada RM670.6 juta berbanding RM573.0 juta pada tahun sebelumnya (Laporan Zakat, 2006; hlm. 72). Peningkatan yang memberangsangkan ini kemungkinan disebabkan oleh banyak faktor antaranya kaedah pembayaran yang mudah, pengurusan zakat yang semakin cekap, penswastan institusi zakat dan sebagainya. Penswastan institusi zakat telah menimbulkan minat ramai pengkaji untuk melihat kesannya terhadap jumlah kutipan zakat (Md Zyadi dan Mariani, 1999; Nor Ghani Md Nor et al., 2001 dan Sanep Ahmad et al., 2006). Kesemua kajian ini secara umumnya mendapati bahawa penswastan institusi zakat sedikit sebanyak dapat meningkatkan lagi kecekapan pengurusan dan jumlah kutipan zakat. Namun bagaimana pula dengan prestasi pengagihan zakat di Malaysia?

Jadual 1 menunjukkan pengagihan zakat oleh institusi zakat di kesemua negeri di Malaysia bagi tahun 2007. Jumlah pengagihan zakat keseluruhan adalah RM603.84 juta. Negeri yang paling tinggi mengagihkan zakat adalah Selangor (RM174.52 juta), diikuti Wilayah Persekutuan (RM121.2 juta) dan Johor sebanyak RM73.3 juta. Manakala negeri yang paling sedikit mengagihkan zakat ialah Perlis dan Sarawak iaitu sebanyak RM11.6 juta. Adakah ini menunjukkan kedua-dua negeri tidak cekap mengagihkan zakat? Kecekapan pengagihan boleh dilihat daripada banyak sudut. Contohnya lebihan zakat yang tidak diagihkan, nisbah agihan per kutipan ataupun daripada aspek peratusan nisbah jumlah lebihan berbanding jumlah kutipan boleh dikaji. Daripada jadual tersebut, didapati kesemua negeri (kecuali Sabah dan Negeri Sembilan) mengagihkan zakat mempunyai banyak lebihan wang zakat yang tidak diagihkan pada tahun tersebut. Negeri Selangor merupakan negeri yang mempunyai paling banyak lebihan zakat iaitu RM52.59 juta diikuti Wilayah Persekutuan (RM27.67 juta) dan Terengganu sebanyak RM19.68 juta. Jumlah lebihan zakat yang tidak diagihkan bagi tahun 2007 secara keseluruhannya di Malaysia ialah RM160.96 juta. Jumlah ini adalah amat besar iaitu mewakili sebanyak 20.85% daripada keseluruhan jumlah kutipan zakat. Maka persoalannya mengapa wujud banyak lebihan zakat dan apakah yang perlu dilakukan kepada wang ini? Mungkin akan timbul kemungkinan ia berlaku disebabkan kutipan zakat akan menjadi rizab simpanan untuk tahun berikutnya tetapi masalahnya jumlah lebihan yang amat besar. Secara puratanya nisbah pengagihan zakat di kesemua negeri adalah 78.2% dan ini boleh dianggap prestasi yang baik. Namun sepatutnya lebihan 22.8% keseluruhan yang tidak diagihkan perlu diagihkan agar pengagihan menjadi ke arah optimum iaitu 100% diagihkan kepada asnaf.

Kajian ini mendapati lebihan tersebut disebabkan kemungkinan kesukaran mencari dan menentukan asnaf-asnaf yang lain seperti *al-riqab*, *al-gharimin*, dan *ibn sabil*. Berdasarkan **Jadual 1 (Lampiran 1)**, didapati nisbah ketiga-tiga asnaf ini kepada jumlah pengagihan zakat terlalu kecil. Contohnya asnaf *al-riqab*, hampir kesemua negeri kecuali Negeri Sembilan, peratusan pengagihan kepada

asnaf tersebut tidak melebihi 1% malah ada di sesetengah negeri langsung tiada pengagihan kepada asnaf ini. Purata keseluruhan bagi kesemua negeri hanyalah 1.53%. Bagi asnaf *ibn Sabil*, purata keseluruhannya hanya 0.37% dan *al-gharimin* ialah 3.55%. Jika dibandingkan situasi bagi negeri yang telah menswastakan institusi zakat seperti Selangor, Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan, Melaka, Pulau Pinang dan Pahang dengan negeri yang belum menswastakan institusi zakat, keadaan ini adalah sama dan tiada perbezaan yang ketara. Adakah institusi zakat sudah berpuas hati dengan pengurusan pengagihan zakat yang telah dilakukan? Jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya, adakah terdapat peningkatan prestasi yang ketara?

Jadual 2 (Lampiran 2) menunjukkan prestasi kutipan dan pengagihan zakat tahun 2004. Secara umumnya, didapati prestasi pengagihan dengan melihat nisbah pengagihan zakat ialah 76.1% iaitu hanya meningkat sebanyak 2.1% sahaja. Prestasi kutipan menunjukkan jumlah kutipan di Malaysia sangat memberangsangkan iaitu meningkat sebanyak RM332.29 juta iaitu dari RM449.85 juta tahun 2004 kepada RM772.14 juta tahun 2007 iaitu peningkatan sebanyak 71.6%. Namun nisbah keseluruhan pengagihan zakat telah menurun daripada 23.9% tahun 2004 kepada 20.85% tahun 2007 dan ini menunjukkan satu perkembangan yang baik. Namun begitu, pengagihan kepada ketiga-tiga asnaf seperti *al-riqab*, *al-gharimin*, dan *ibn sabil* masih lagi kurang masing-masing secara keseluruhannya sebanyak 1.94%, 2.29% dan 3.43% daripada jumlah pengagihan zakat. Ini menunjukkan tiada perubahan yang ketara dalam pengagihan zakat.

Daripada perkembangan di atas jelas menunjukkan prestasi pengagihan zakat masih tidak banyak berubah walaupun wujud di sesetengah negeri yang telah menswastakan institusi zakat. Walaupun daripada aspek fiqh menunjukkan tugas amil mengagihkan zakat telah selesai sekurang-kurangnya 3 kelompok atau asnaf (Mohamad Uda, 2005; dan Wahbah, 1997), namun kajian ini menunjukkan masih banyak lagi tugas dan tanggungjawab yang perlu dilakukan oleh institusi zakat. Ini berpegang kepada pendapat Qardawi (2000)

bahawa institusi zakat sangat berperanan penting dalam menjamin pengagihan zakat kepada kesemua asnaf kerana mereka mempunyai banyak maklumat berkenaan asnaf berbanding individu khususnya yang berkaitan dengan asnaf *fi sabillillah*, *ibn sabil* dan sebagainya. Majeed (1993) juga bersetuju bahawa pengagihan melalui institusi sepatutnya menjadi bertambah sistematik dan cekap kerana pihak institusi zakat bukan sahaja dapat mengagihkan zakat secara sama rata dalam kalangan asnaf malah ia dapat dilakukan sepanjang tahun dan bukan dalam bulan tertentu sahaja. Ini jelas menunjukkan pendapat-pendapat yang masih lagi menyokong bahawa pengagihan zakat perlu diagihkan kepada kesemua asnaf memandangkan jumlah lebihan zakat yang amat besar. Bagaimana pula persepsi pembayar zakat terhadap kaedah pengagihan zakat oleh institusi zakat? Pembayar zakat juga perlu diberi perhatian oleh institusi zakat kerana sekiranya mereka tidak berpuas hati dengan institusi tersebut, maka mereka akan cenderung membayar secara langsung kepada asnaf zakat (Sanep et al., 2006).

METODOLOGI

Kajian ini menganalisis secara deskriptif data primer untuk melihat persepsi pembayar zakat terhadap institusi zakat dan pengagihan kepada asnaf-asnaf zakat. Seramai 2,588 orang responden di Semenanjung Malaysia dikaji untuk melihat pandangan mereka dalam aspek ini. Walaupun hampir 2,588 responden telah dikaji, namun kajian ini hanya menganalisis jawapan responden yang memberi respons kepada soalan-soalan berkenaan sahaja. Pembolehubah-pembolehubah yang penting dalam kajian ini adalah negeri, adakah responden berpuas hati dengan pengagihan zakat, alasan-alasan jika tidak berpuas hati dan adakah mereka membayar zakat harta.

HASIL KAJIAN

Hasil kajian telah dijalankan ke atas hampir 2,588 responden beragama Islam di Semenanjung Malaysia. Berdasarkan **Jadual 3**, didapati 26% responden adalah dari Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, yang merupakan responden yang

paling ramai diikuti negeri Perak (13%) dan Kelantan sebanyak 12%. Responden yang paling sedikit ialah di Negeri Sembilan yang mewakili hanya 4 peratus sahaja.

JADUAL 3: Responden yang dikaji mengikut negeri

	Kekerapan	Peratusan
Selangor & WP Kuala Lumpur	672	26.0
Pulau Pinang	129	5.0
Kedah	158	6.1
Perlis	199	7.7
Perak	336	13.0
Johor	116	4.5
Melaka	146	5.6
Negeri Sembilan	103	4.0
Pahang	160	6.2
Terengganu	251	9.7
Kelantan	318	12.3
Jumlah	2,588	100.0

Hasil kajian ini juga mendapati majoriti responden tidak berpuas hati dengan pengagihan zakat oleh institusi zakat iaitu sebanyak 57.6% berbanding yang berpuas hati sebanyak 42.4% yang berpuas hati. Terdapat beberapa negeri yang majoriti responden tidak berpuas hati mengenai pengagihan zakat. Negeri-negeri tersebut ialah Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Kedah, Perlis, Perak, Johor dan Kelantan. Hanya tiga buah negeri yang majoritinya berpuas hati dengan pengagihan zakat iaitu Negeri Sembilan, Pahang dan Terengganu. Negeri Melaka menunjukkan peratusan puas hati dan tidak berpuas hati yang hampir seimbang. Negeri yang ketara responden tidak berpuas hati ialah Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Johor dan Pulau Pinang.

Ini adalah kerana majoriti yang tidak berpuas hati melebihi 64%. Pihak institusi zakat di negeri ini perlu memberi perhatian yang serius untuk memperbaiki kaedah pengagihan zakat agar ramai masyarakat Islam berpuas hati dan akan terus membayar zakat secara formal kepada institusi zakat. Perlu diingatkan bahawa kedua-dua negeri yang terlibat telah menswastakan kutipan zakat. Apakah sebab atau faktor yang menyebabkan responden tidak berpuas hati mengenai pengagihan zakat?

JADUAL 4: Respons sikap pengagihan zakat mengikut negeri

	Puas Hati Pengagihan Zakat		Jumlah
	Ya	Tidak	
Selangor & WP Kuala Lumpur	230 (34.23)	442 (65.77)	672
Pulau Pinang	46 (35.66)	83 (64.34)	129
Kedah	62 (39.24)	96 (60.80)	158
Perlis	87(43.72)	112 (56.28)	199
Perak	157 (46.73)	179 (53.27)	336
Johor	38 (32.76)	78 (67.24)	116
Melaka	72 (49.31)	74 (50.68)	146
N Sembilan	58 (56.31)	45 (43.69)	103
Pahang	84 (52.50)	76 (47.50)	160
Terengganu	137 (54.58)	114 (45.42)	251
Kelantan	126 (39.62)	192 (60.38)	318
Jumlah	1,097 (42.4)	1,491 (57.6)	2,588 (100)

Nota: angka () adalah peratusan daripada Jumlah mengikut Negeri

Jadual 5 menunjukkan alasan dan sebab responden tidak berpuas hati tentang aspek pengagihan zakat. Seramai 1,074 responden telah memberi respons daripada keseluruhan 2,588 responden dan telah menyatakan alasan dan sebab mereka tidak berpuas hati. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti responden tidak berpuas hati disebabkan kaedah agihan yang tidak jelas iaitu sebanyak 24%. Ini diikuti alasan lain seperti maklumat agihan dan agihan zakat yang tidak menyeluruh yang masing-masing sebanyak 20.8% dan 12.8%. Ini jelas menunjukkan bahawa masalah pengagihan zakat yang berkaitan dengan kaedah dan maklumat yang berkemungkinan besar akan menyebabkan pembayar zakat tidak berpuas hati dengan peranan institusi zakat. Jika dilihat kepada fokus kajian ini iaitu alasan ketiga bahawa pengagihan zakat yang tidak menyeluruh kepada asnaf zakat menunjukkan kelemahan ini juga perlu diberi perhatian yang serius. Responden telah menunjukkan satu signal bahawa mereka sebagai pembayar zakat juga mengharapkan pihak institusi zakat mengagihkan zakat kepada asnaf zakat yang lain selain asnaf fakir, miskin, *muallaf* dan *fi sabilillah*. Walaupun dalam aspek fiqh, pihak institusi zakat telah memenuhi kaedah yang telah dinyatakan sebelum ini, namun responden menginginkan ia diperluaskan lagi kepada asnaf yang lain. Jika tindakan ini tidak ditangani dengan segera, kemungkinan pembayar zakat akan bertindak sendiri dengan mengagihkan zakat atau kemungkinan tidak membayar zakat kerana ketidakpercayaan mereka terhadap institusi zakat.

Jadual 5: Alasan tidak berpuas hati mengikut negeri

	Jumlah Bayaran Tidak Mencukupi	Kaedah Agihan Tidak Jelas	Agihan Yang Tidak Menyeluruh	Sebahagian Disimpan Dalam Institusi Kewangan	Maklumat Agihan Tidak Menyeluruh	Lain-lain sebab	Jumlah
Selangor & WP Kuala Lumpur	21	73	31	9	56	120	310
Pulau Pinang	4	16	11	3	16	21	71
Kedah	1	18	4	2	15	25	65
Perlis	4	22	7	0	13	26	72
Perak	2	34	19	5	26	54	140
Johor	2	11	9	1	13	23	59
Melaka	0	16	4	3	10	24	57
N Sembilan	0	5	4	0	8	5	22
Pahang	1	13	3	4	12	19	52
Terengganu	7	18	15	5	21	22	88
Kelantan	3	32	31	3	34	35	138
Jumlah	45 (4.18)	258 (24.02)	138 (12.85)	35 (3.26)	224 (20.85)	374 (34.82)	1,074 (100)

Nota: angka () menunjukkan peratusan daripada jumlah keseluruhan ujian Pearson
 Khi kuasa dua adalah signifikan pada aras keertian 10%

Jadual 6 menunjukkan hubungan antara alasan tidak berpuas hati mengenai pengagihan zakat oleh institusi zakat dan membayar zakat harta. Walaupun ujian Khi kuasa dua tidak menunjukkan hubungan yang signifikan antara kedua-dua pembolehubah, namun pihak institusi zakat perlu memberi perhatian yang sewajarnya. Jika dilihat daripada alasan masalah pengagihan zakat yang tidak menyeluruh kepada asnaf, 47.8% tidak membayar zakat berbanding 52.2% membayar zakat. Peratusan tidak membayar zakat adalah tinggi menghampiri peratusan membayar zakat. Adakah ini merupakan sebab utama mereka tidak membayar zakat? Persoalan ini perlu dianalisis dengan lebih terperinci lagi. Namun jika dilihat kepada alasan lain, majoriti responden tidak membayar zakat kecuali alasan disimpan dalam institusi kewangan.

Kajian ini menunjukkan bahawa sikap responden yang membayar dan tidak membayar zakat harta adalah hampir seimbang yang menunjukkan kesedaran membayar zakat masih lagi rendah. Ini ditambah lagi dengan masalah pengurusan zakat yang lemah oleh institusi zakat yang mendorong lagi kemungkinan mereka tidak membayar zakat. Bagaimana pula mereka yang membayar zakat dan adakah membayar kepada saluran formal atau sebaliknya secara terus kepada asnaf? Terdapat kajian menunjukkan ramai pembayar zakat berminat membayar zakat secara terus kepada asnaf kerana beberapa faktor termasuklah ketidakpuasan hati pengagihan zakat (Sanep et al., 2006). Walaupun wujudnya pelbagai Enakmen Syariah Negeri yang melarang perbuatan sedemikian, namun masih ramai lagi cenderung membayar secara terus kepada asnaf (Aidit, 1989). Ini akan secara tidak langsung mengurangkan jumlah kutipan zakat yang akhirnya akan menyebabkan pengagihan zakat kepada asnaf juga akan berkurangan.

Jadual 6: Alasan tidak berpuas hati dan membayar zakat harta

Bayar Zakat Harta	Jumlah Bayaran Tidak Mencukupi	Kaedah Agihan Tidak Jelas	Tidak Menyeluruh Kepada Asnaf	Sebahagian Disimpan Dalam Institusi Kewangan	Maklumat Agihan Tidak Menyeluruh	Lain-Lain	Jumlah
Tidak	25 (56.81)	137 (53.10)	66 (47.82)	15 (44.12)	123 (54.91)	192 (51.89)	558 (52.25)
Ya	19 (43.18)	121 (46.90)	72 (52.18)	19 (55.88)	101 (45.08)	178 (48.11)	510 (47.75)
Jumlah	44 (100.0)	258 (100.0)	138 (100.0)	34 (100.0)	224 (100.0)	370 (100.0)	1068 (100.0)

Nota: angka () adalah peratusan daripada Jumlah keseluruhan Ujian Pearson Khi Kuasa Dua tidak signifikan pada aras keertian 10%

CADANGAN DAN IMPLIKASI DASAR

Hasil kajian menunjukkan bahawa ramai masyarakat Islam tidak berpuas hati dengan kaedah pengagihan zakat oleh institusi zakat. Walaupun pihak institusi telah berpuas hati kaedah pengagihan zakat

mengikut kaedah fiqh iaitu sekurang-kurangnya tiga asnaf zakat selain amil, namun masyarakat Islam yang terdiri daripada mereka yang membayar zakat masih menunjukkan sikap ketakpuashatian mereka. Ini akhirnya akan menyebabkan kemungkinan mereka membayar zakat secara tidak formal malah lebih teruk lagi tidak membayar zakat. Ini telah dibuktikan dengan jumlah lebihan wang zakat yang begitu besar antara negeri-negeri di Malaysia.

Kajian ini mendapati masalah utama yang timbul adalah disebabkan oleh masalah maklumat asnaf zakat. Ini akhirnya akan menggambarkan pengagihan zakat menjadi lebih efisien kerana skop dan liputan tanggungjawab amil menjadi semakin kecil. Pertamanya kutipan dan pengagihan zakat perlu dilaksanakan oleh institusi zakat di pelbagai peringkat, termasuklah peringkat kampung, bandar atau negeri mengikut kawasan penduduk Islam. Pada zaman Rasulullah S.A.W., pengurusan zakat adalah bermula daripada masjid di bandar Madinah terutamanya di masjid-masjid yang besar (*jami'a*) yang menjadi tempat berkumpulnya umat Islam. Oleh itu, berdasarkan amalan oleh Rasulullah S.A.W., dicadangkan institusi zakat perlu ditubuhkan bermula di masjid (Zayas, 2003). Masjid tersebut pula dicadangkan sebuah masjid yang mewakili negeri atau kawasan penduduk Islam. Oleh itu, jika ditubuhkan pusat-pusat kutipan zakat sama ada di peringkat kampung, daerah atau negeri, ia perlu dihubungkan dengan masjid *jami'a* yang utama tersebut. Kaedah ini dikenali sebagai lokalisasi zakat (Abdul Aziz, 1993; Khaf, 1995; Zayas, 2003 dan Muhammad Syukri, 2006). Ini berdasarkan ayat Al-Quran surah 9 ayat 60 yang menjelaskan secara implisit dana zakat perlu disimpan di setiap cawangan institusi zakat yang telah dikutip zakat. Ini akan memberi kepuasan kepada masyarakat Islam di suatu kawasan tertentu terutamanya pembayar zakat tersebut. (Zayas, 2003, hlm. 337). Sekiranya berlaku lebihan zakat daripada sesuatu kawasan, ia dibenarkan diagihkan ke kawasan lain yang mengalami kekurangan dana kutipan zakat. Ini adalah berdasarkan pendapat kumpulan pemikiran mazhab Hanafi yang membenarkannya atas alasan untuk mengurangkan kesusahan orang Islam yang amat memerlukannya dan selaras dengan nilai Islam yang menekankan aspek kesatuan dan perpaduan. Ia boleh dilaksanakan dengan

syarat pembayar zakat dan asnaf zakat di kawasan lebih tersebut bersetuju dan berpuas hati dengan pengagihan zakat. Pengagihan lebih zakat perlu dilakukan bermula dengan kawasan yang paling dekat (Zayas, 2003, hlm. 338-340). Namun pelaksanaan ini memerlukan satu koordinasi dan pengumpulan maklumat dan rekod yang lengkap antara institusi zakat sama ada di peringkat kampung, daerah, negeri dan negara. Ini akan memudahkan pengagihan zakat di kawasan yang lain sekiranya berlaku lebih dana zakat.

Kajian ini mendapati masalah definisi setiap asnaf yang lapan juga menimbulkan masalah kepada amil. Setiap definisi asnaf antara negeri adalah hampir berbeza antara satu sama lain. Masalah yang lebih ketara lagi berlaku dalam pendefinisian asnaf selain fakir dan miskin malah pendefinisian asnaf ini juga masih lagi menimbulkan perdebatan dan percanggahan pendapat. Tiadanya penyelarasan antara institusi zakat dengan jabatan dan agensi Kerajaan juga menambahkan lagi masalah dalam pengurusan zakat (Zainal Abidin, 2001). Namun, diharapkan pihak amil cuba sedaya upaya membuat pendefinisian asnaf dengan lebih teratur dan seragam antara negeri. Definisi asnaf *al-riqab*, *ibn sabil* dan *al-gharimun* perlu cuba diperluaskan agar wang zakat dapat diagihkan kepada asnaf-asnaf ini. Konsep pengagihan perlu diperluaskan agar ia berkembang dengan perkembangan ekonomi semasa yang menyebabkan kemungkinan wujud asnaf yang *diikhtilaf* antara negeri. Kewujudan asnaf-asnaf *ikhtilaf* di bawah sub kategori asnaf yang lapan akan memungkinkan wujudnya perbincangan yang hebat antara pihak *fuqaha'* dan pihak pengurusan zakat yang akhirnya memungkinkan definisi asnaf semakin luas mengikut peredaran zaman tetapi masih berpandukan nas-nas Al-Quran dan hadis. Perkembangan inilah yang dinantikan oleh pembayar-pembayar zakat yang akhirnya akan terus menyokong dan meyakini terhadap institusi zakat. Ini akan meningkatkan jumlah kutipan zakat, jumlah dana zakat kepada asnaf zakat dapat dipertingkatkan, tahap kecekapan agihan zakat yang maksimum yang akhirnya kemungkinan dapat memastikan sistem zakat dapat berlaku dengan baik dan lancar.

Untuk meningkatkan prestasi pengagihan zakat, peranan amil pada masa kini perlulah mengikut perkembangan semasa. Setiap amil mesti menetapkan objektif yang hendak dicapai dalam mengagihkan zakat. Pihak majlis atau ahli jawatankuasa zakat negeri perlu memainkan peranan yang besar. Menurut Abdul Aziz (1993), mereka bukan sahaja terdiri daripada ulama' yang berkelayakan dalam bidang perundangan Islam semata-mata, malah perlu mahir dan sentiasa bermaklumat dalam bidang sains sosial semasa termasuklah ilmu ekonomi dan pembangunan. Masalah maklumat asnaf boleh diperkemaskan dengan adanya satu pangkalan data yang lengkap dan sistematik. Ia juga perlu diselaraskan dengan agensi kerajaan atau NGO (Mohamed Dahan 2001). Ini sepatutnya dapat dilakukan oleh amil yang pakar atau mungkin boleh dikenali sebagai amil korporat. Kepakaran yang perlu ada termasuklah bidang ekonomi, perniagaan, statistik, analisis komputer, psikologi dan lain-lain kepakaran sama ada dalam bidang profesional atau tidak profesional dan bukan semata-mata daripada lulusan pengajian Islam sahaja (Mohamed Dahan, 2001, hlm. 45). Tambahan pula pengurusan zakat pada masa kini juga bukanlah sekadar mentadbir zakat (seperti di sektor awam) tetapi ia perlu memahami konsep pengurusan itu sendiri iaitu merancang, mengorganisasi, menyelaras dan membuat keputusan (Abdul-Wahab, 1995). Mohamed Dahan (2001) telah mencadangkan konsep belanjawan zakat bagi sesuatu tahun yang sedikit sebanyak boleh memberi idea kepada institusi zakat menguruskan zakat. Jika ia dapat dilaksanakan, maka masalah lebihan wang agihan zakat yang amat besar dapat dikurangkan dan *defisit* dalam belanjawan zakat dapat dikurangkan. Oleh itu, pengurusan zakat perlulah dilakukan secara profesional agar ia dapat meningkatkan institusi zakat itu sendiri, dapat meningkatkan keyakinan pembayar zakat dan di masa yang sama menyampaikan mesej dakwah kepada mereka yang masih belum lagi menunaikan zakat harta.

KESIMPULAN

Pengagihan zakat kepada kesemua asnaf perlulah dipertimbangkan pelaksanaannya oleh institusi zakat di Malaysia. Walaupun institusi zakat di Malaysia telah mengagihkan zakat seiring dengan kaedah fiqh, namun persepsi pembayar zakat dan masyarakat Islam perlulah diberi pertimbangan. Pembayar zakat sebenarnya mahukan satu kaedah pengagihan zakat yang cekap dan adil di samping mengikut tuntutan syarak. Ini dapat dilakukan dengan wujudnya maklumat yang lengkap dalam sistem pengagihan zakat. Individu Islam seperti seorang imam atau pembayar zakat mempunyai keterbatasan maklumat berbanding sesebuah organisasi dan institusi yang mempunyai ramai tenaga serta sumber kewangan untuk mendapatkan maklumat asnaf. Ditambah lagi pada zaman teknologi maklumat yang canggih yang pastinya dapat meningkatkan keupayaan dan kecapaian mendapatkan maklumat asnaf. Maklumat asnaf yang lengkap memungkinkan pihak institusi menyalurkan wang zakat bukan sahaja semata-mata kepada asnaf tradisi sahaja malahan merangkumi asnaf-asnaf lain dalam asnaf yang lapan. Ini akhirnya akan meningkatkan lagi keyakinan masyarakat Islam, mereka akan terus membayar zakat melalui institusi zakat dan akhirnya sistem zakat akan menjadi semakin cekap dan adil.

RUJUKAN

Abdul Aziz Muhammad, 1993, *Zakat and Rural Development in Malaysia*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.

Abdullah Ibrahim, 1999, *Agihan Zakat Menurut Prinsip Siasah Shariyyah*. Kertas Kerja dibentangkan dalam Kolokium Keberkesanan Zakat Negeri Selangor. Shah Alam. 17 Mei 1999.

Abdul-Wahab, Mohamed et al., 1995, "Malaysia" (A Case study of Zakah Management), in: el-Ashker and Sirajul Haq (eds.), *Institutional Framework of Zakah: Dimensions and Implications*, Jeddah: IRTI/ IDB, pp. 297-378.

Aidit Ghazali, 1989, *Fenomenon Pembayaran Zakat Melalui Saluran Tidak Rasmi: Satu Analisis Empirik*. Dalam Mohd Ali Baharum (eds.) *Zakat Ditinjau Dari Perspektif Sosial, Undang-Undang Dan Taksiran*. Kuala Lumpur: Dunia Press Sdn. Bhd.

Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Nor, 2007, *Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan Di Malaysia*. *Islamiyyat*. 29 (2007). 53-70.

Hassan M.K & Khan J.M., 2007, *Zakat, External Debt and Poverty Reduction Strategy in Bangladesh*. *Journal Of Economic Cooperation*. 28 (4) 1-38.

Imtiazi I.A., 2000, *Introduction* dalam: I.A. Imtiazi et al. (eds.), *Management of Zakah in Modern Muslim Society*, Jeddah: IRTI/ IDB, pp. 11-28.

Khaf, Monzer, 1995, *Applied Institutional Models For Zakat Collection and Distribution in Islamic Countries and Communities* in: el-Ashker and Sirajul Haq (eds.), *Institutional Framework of Zakat: Dimensions and Implications*, Jeddah, IRTI/ IDB p. 197-228.

Laporan Zakat pelbagai tahun.

Mahmood Zuhdi Abdul Majid, 2003, *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Majeed FSA., 1993, *Zakat. Questions and Answers*. Singapore: Ze Majeed's Publishing.

Mannan M.A., 2003, *Public Sector Management of Zakat* dalam: Hannan S.A (eds.). *Zakat and Poverty Alleviation*. Dhaka: Islamic Economics Research Bureau.

Md Zyadi Tahir & Mariani Majid, 1999, *Prestasi Kutipan Dan Agihan Zakat Di Malaysia. Pascasidang Seminar Pengeluaran Awam dan Swasta: Justifikasi dan Realiti di Malaysia*. Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia. hlm. 293-306.

Mohamad Uda Kasim, 2005, *Zakat Teori, Kutipan Dan Agihan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Mohamed Dahan Abdul Latif, 1998, *Zakat Management And Administration In Malaysia*. Kertas kerja dibentangkan di *Seminar of Zakat and Taxation di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*.

Mohamed Dahan Abdul Latif, 2001, *Pendekatan Kepada Cara Pengagihan Dana Zakat Yang Dinamik Sesuai Dengan Suasana Semasa*. Dalam Nik Mustapha Nik Hassan (penyt). *Kaedah Pengagihan Dana Zakat Satu Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.

Mohd Parid Hj Sheikh Ahmad, 2001, *Kaedah Pengagihan Zakat: Satu Perspektif Islam*. Dalam Nik Mustapha Nik Hassan (penyt). *Kaedah Pengagihan Dana Zakat Satu Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.

Muhammad Syukri Salleh, 2006, *Lokalisasi Pengagihan Zakat: Satu Cadangan Teoritis*. dalam Hailani & Abdul Ghafar (penyt). *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian & Perundangan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mujaini Tarimin, 2005, *Golongan Penerima Zakat. Agihan Dana Zakat Secara Lebih Berkesan*. Shah Alam: Penerbit UiTM.

Mujaini Tarimin, 2005, *Zakat Menuju Pengurusan Profesional*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Nik Mustapha Nik Hassan, 2001, *Semangat Pengagihan Zakat Ke Arah Pembangunan Ekonomi*. Dalam Nik Mustapha Nik Hassan (penyt). *Kaedah Pengagihan Dana Zakat Satu Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.

Nor Ghani Md Nor, Mariani Majid, Jaafar Ahmad dan Nahid Ismail, 2001, *Can Privatization Improve Performance? Evidence From Zakat Collection Institutions*. Kertas kerja Bengkel Ekonomi Islam. Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Qaradawi, Yusuf, 2000, *Fiqh al-Zakah*, Vol II .English Translation by Monzer Kahf, Jeddah, Scientific Publishing Centre, King Abdulaziz University.

Sadeq, AHM., 1995, *Ethioco-eco-Institution of Zakah: An Instrument of Self-Reliance and Sustainable Grass-Root Development (Mimeograph)*.

Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid, 2005, *Kesediaan Berkongsi Kekayaan Dan Kebahagiaaan: Kajian Kes Bayaran Zakat Bagi Harta Yang Diikhtilaf* dalam Abd Hair Awang et.al (penyt) Prosiding Persidangan Kebangsaan Ke-2 Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran. Kajang: Pusat Fotokopi Kajang hlm 373-383.

Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid, 2005, *Persepsi dan Faktor Penentu Kesedaran Terhadap Perluasan Sumber Zakat Harta Yang Diikhtilaf*, *Islamiyyat* **27**(1).45-65.

Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid & Adnan Mohamad, 2006, *Penswastaan Institusi Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Secara Formal di Malaysia*. *International Journal of Management Studies* 13 (2), hlm. 175-196.

Wahbah al-Zuhayly, 1997, *Zakat Kajian Pelbagai Mazhab*. (terj) Bandung: PT Remaja Rosdakarta.

Wess. H., 2002, *Reorganizing Social Welfare Among Muslims: Islamic Voluntarism and Other Forms of Communal Support in Northern Ghana*. *Journal of Religion in Africa*. 32(1).

Zainal Abidin, 2001, *Cara Pengagihan Dana Zakat: Pengalaman Wilayah Persekutuan*. Dalam Nik Mustapha Nik Hassan (penyt). *Kaedah Pengagihan Dana Zakat Satu Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.

Zayas F.G., 2003, *The Law and Institution of Zakat*. A. Z. Abbasi (terj.) Kuala Lumpur: The Other Press.

Jadual 1: Pengagihan Zakat Kepada Asnaf Oleh Institusi Zakat Di Malaysia Tahun 2007^a

Negeri	Agihan zakat kepada asnaf (RM Juta)										Nisbah Agihan ^d (%)
	Fakir & Miskin	Amil	Muallaf	Al-Riqab	Al-Gharimin	Ibn Sabil	Fi sabilillah	Jumlah Agihan (RM Juta)	Jumlah Kutipan ^b (RM Juta)	Jum Lebihan ^c (RM Juta)	
Wilayah Persekutuan	40.04 (33.03)	16.25 (13.40)	3.80 (3.13)	0.00 (0.00)	1.40 (1.15)	0.38 (0.32)	59.36 (48.97)	121.22 (100)	173.82	27.67 [15.92]	86.31
Selangor	58.07 (33.27)	23.70 (13.58)	8.39 (4.81)	0.95 (0.55)	17.47 (10.01)	0.41 (0.23)	65.54 (37.55)	174.52 (100)	202.19	52.59 [26.01]	69.74
Johor	19.70 (30.40)	10.48 (16.16)	4.55 (7.02)	0.00 (0.00)	0.50 (0.77)	0.05 (0.07)	29.54 (45.57)	64.82 (100)	73.32	8.50 [11.59]	88.41
Terengganu	20.12 (63.34)	4.35 (13.69)	1.74 (5.47)	0.06 (0.18)	0.04 (0.11)	0.01 (0.03)	5.46 (17.18)	31.76 (100)	51.44	19.68 [38.26]	61.74
Perak	14.46 (46.85)	6.96 (22.55)	1.50 (4.85)	0.00 (0.00)	0.10 (0.31)	0.71 (2.29)	7.15 (23.15)	30.87 (100)	41.28	10.41 [25.22]	74.78
Pulau Pinang	15.13 (50.40)	3.24 (10.80)	0.58 (1.92)	0.00 (0.00)	0.81 (2.71)	0.15 (0.51)	10.10 (33.66)	30.01 (100)	37.09	7.07 [19.07]	80.93
Kelantan	14.34 (58.98)	3.54 (14.58)	0.71 (2.92)	0.00 (0.00)	0.01 (0.04)	0.00 (0.01)	5.71 (23.48)	24.31 (100)	40.20	15.89 [39.52]	60.48
Kedah	17.63 (48.88)	7.42 (20.59)	0.82 (2.28)	0.00 (0.00)	0.02 (0.05)	0.26 (0.73)	9.91 (27.48)	36.06 (100)	36.70	0.64 [1.74]	98.26

Agihan zakat kepada asnaf (RM Juta)											
Negeri	Fakir & Miskin	Amil	Muallaf	Al-Riqab	Al-Gharimin	Ibn Sabil	Fi sabillillah	Jumlah Agihan (RM Juta)	Jumlah Kutipan ^b (RM Juta)	Jum Lebihan ^c (RM Juta)	Nisbah Agihan ^d (%)
N Sembilan	10.70 (34.30)	3.34 (10.71)	2.00 (6.40)	8.26 (26.47)	1.07 (3.44)	0.24 (0.76)	5.59 (17.92)	31.19 (100)	36.69	-1.83	106.24
Melaka	4.84 (28.43)	4.14 (24.33)	1.00 (5.86)	0.00 (0.00)	0.00 (0.03)	0.00 (0.02)	7.04 (41.33)	17.03 (100)	22.07	5.04 [22.83]	77.17
Sarawak	5.58 (48.08)	3.02 (26.02)	0.08 (0.65)	0.00 (0.00)	0.01 (0.07)	0.00 (0.02)	2.92 (25.17)	11.61 (100)	23.13	11.52 [49.80]	50.20
Sabah	11.00 (58.42)	1.49 (7.91)	0.94 (5.01)	0.00 (0.00)	0.00 (0.00)	0.01 (0.03)	5.39 (28.63)	18.83 (100)	17.51	-1.31	107.49
Perlis	2.69 (23.18)	1.45 (12.50)	0.19 (1.60)	0.00 (0.00)	0.00 (0.00)	0.00 (0.03)	7.27 (62.69)	11.60 (100)	16.70	5.10 [30.55]	69.45
Jumlah Keseluruhan	234.29 (38.80)	89.39 (14.80)	26.27 (4.35)	9.27 (1.53)	21.42 (3.55)	2.22 (0.37)	220.97 (36.59)	603.84 (100)	772.14	160.96 [20.85]	78.20

Sumber: diubahsuai daripada Laporan Zakat 2007

Nota : a tidak termasuk Pahang kerana tiada data b termasuk kutipan zakat fitrah c jumlah kutipan – jumlah agihan d nisbah agihan-kutipan

Angka dalam () adalah peratusan daripada jumlah agihan

Angka dalam [] adalah peratusan jumlah lebihan daripada jumlah kutipan keseluruhan

Jadual 2: Pengagihan Zakat Kepada Asnaf Oleh Institusi Zakat Di Malaysia Tahun 2004^a

Negeri	Agihan zakat kepada asnaf (RM Juta)										Nisbah Agihan ^d (%)
	Fakir & Miskin	Aamil	Muallaf	Al-Riqab	Al-Gharimin	Ibn Sabil	Fil-sabilillah	Jumlah Agihan (RM Juta)	Jumlah Kutipan ^b (RM Juta)	Jumlah Lebihan ^c (RM Juta)	
Wilayah Persekutuan	23.03 (40.68)	15.72 (27.77)	1.81 (3.19)	0.00 (0.00)	0.51 (0.90)	0.14 (0.25)	15.40 (27.21)	56.61 (100)	110.63	54.02 [48.83]	51.17
Selangor	33.12 (33.04)	12.89 (12.86)	5.49 (5.47)	0.22 (0.22)	4.11 (4.10)	0.38 (0.38)	44.04 (43.93)	100.25 (100)	108.33	8.08 7.46	92.12
Johor	7.89 (28.65)	6.67 (24.20)	2.62 (9.50)	0.00 (0.00)	0.16 (0.59)	0.08 (0.28)	10.13 (36.77)	27.55 (100)	38.05	10.50 [27.59]	72.41
Terengganu	18.30 (48.03)	1.66 (4.37)	0.54 (1.41)	2.03 (5.33)	0.02 (0.06)	10.27 (26.95)	5.28 (13.85)	38.10 (100)	36.15	-1.95 -	105.39
Perak	7.70 (38.45)	3.21 (16.04)	1.17 (5.83)	0.00 (0.00)	0.54 (2.70)	0.26 (1.30)	7.14 (35.68)	20.02 (100)	25.72	5.70 [22.18]	77.82
Pulau Pinang	8.08 (39.28)	2.81 (13.63)	0.45 (2.19)	0.00 (0.00)	2.17 (10.56)	0.09 (0.45)	6.97 (33.88)	20.58 (100)	23.29	2.71 [11.64]	88.36
Kelantan	8.11 (48.98)	1.29 (7.76)	0.34 (2.05)	0.00 (0.00)	0.02 (0.12)	0.01 (0.03)	6.80 (41.05)	16.56 (100)	22.44	5.88 [26.19]	73.81
Kedah	11.24 (56.81)	2.23 (11.25)	0.57 (2.87)	0.00 (0.00)	0.01 (0.06)	0.31 (1.56)	5.43 (27.44)	19.78 (100)	22.21	2.42 [10.90]	89.10

Agihan zakat kepada asnaf (RM Juta)											
Negeri	Fakir & Miskin	Amil	Muallaf	Al-Riqab	Al-Gharimin	Ibn Sabil	Fi-sabilillah	Jumlah Agihan (RM Juta)	Jumlah Kutipan ^b (RM Juta)	Jum Lebihan ^c (RM Juta)	Nisbah Agihan ^d (%)
N Sembilan	3.71 (24.28)	1.59 (10.41)	1.36 (8.88)	4.42 (28.96)	0.28 (1.85)	0.19 (1.23)	3.73 (24.40)	15.27 (100)	19.04	3.76 [19.77]	80.23
Melaka	3.37 (26.49)	2.37 (18.65)	0.69 (5.43)	0.00 (0.00)	0.00 (0.00)	0.00 (0.02)	6.28 (49.40)	12.71 (100)	14.24	1.52 [10.71]	89.29
Sarawak	1.82 (39.30)	2.17 (46.88)	0.06 (1.35)	0.00 (0.00)	0.00 (0.00)	0.00 (0.08)	0.57 (12.39)	4.63 (100)	15.57	10.94 [70.29]	29.71
Sabah	3.15 (64.30)	0.62 (12.61)	0.08 (1.57)	0.00 (0.00)	0.01 (0.20)	0.00 (0.02)	1.04 (21.30)	4.90 (100)	7.78	2.88 [37.06]	62.94
Perlis	1.33 (24.78)	0.93 (17.42)	0.16 (3.04)	0.00 (0.00)	0.00 (0.00)	0.00 (0.03)	2.93 (54.73)	5.36 (100)	6.41	1.05 [16.39]	83.61
Jumlah Keseluruhan	130.84 (38.22)	54.15 (15.82)	15.33 (4.47)	6.67 (1.94)	7.84 (2.29)	11.73 (3.43)	115.76 (33.82)	342.32 (100)	449.85	107.53 [23.90]	76.10

Sumber : diubahsuai daripada Laporan Zakat 2004

Nota : a tidak termasuk Pahang kerana tiada data b termasuk kutipan zakat fitrah c jumlah kutipan – jumlah agihan d nisbah agihan-kutipan

Angka dalam () adalah peratusan daripada jumlah agihan

Angka dalam [] adalah peratusan jumlah lebihan daripada jumlah kutipan keseluruhan